

14 OCT 1999

DEWAN CINA-PERTANIAN

DEWAN CINA SEDIA MEMORANDUM UNTUK DAPATKAN GALAKAN PERTANIAN LEBIH BAIK

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Satu memorandum mendapatkan galakan-galakan lebih baik bagi sektor pertanian sedang disediakan oleh Persatuan Dewan Perdagangan dan Perindustrian Cina Malaysia dan Dewan Perdagangan dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur & Selangor.

Persatuan-persatuan itu akan mengadakan satu sesi sumbang saran dan kajian di kalangan pengamal pertanian untuk memutuskan mengenai pelbagai insentif yang akan disarankan melalui memorandum itu.

Memorandum itu berkemungkinan siap untuk penyerahan kepada kementerian pertanian dan Majlis Perundingan Ekonomi Negera (MAPEN) menjelang awal tahun depan, kata pengerusi jawatankuasa pertaniannya, Kerk Loong Sing, pada persidangan akhbar di sini hari ini.

Kata beliau galakan-galakan yang boleh didapati kini tidak memadai untuk mendorong pertumbuhan seterusnya bagi sektor pertanian negara ini.

"Pada masa lalu ini adalah bidang (pertanian) yang telah kita abaikan. Jadi ini adalah bidang yang kita mesti ambil perhatian pada masa akan datang," katanya.

Kerk juga berkata galakan-galakan pertanian sedia ada perlu dipertingkatkan untuk mencapai wawasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menjadikan negara ini sebuah pengeluar makanan.

Kini, bil import makanan Malaysia berjumlah RM10 bilion setahun, katanya.

Kerk, yang juga mengetuai sesi sumbang saran itu, berkata sesi-sesi akan diadakan pada 23 dan 24 Okt di Genting Highlands membabitkan kira-kira 20 pengamal pertanian.

Antara bidang-bidang yang akan ditumpukan akan termasuk pekebun kecil sayuran, buah-buahan, ternakan, akuakultur dan bunga-bunga.

Katanya pekebun-pekebun kecil menghadapi paling banyak cabaran termasuk masalah tanah, pembiayaan, pemasaran dan pengedaran dan buruh.

Kerk berkata memorandum itu juga akan termasuk beberapa pendapat asing mengenai membangunkan sektor itu.

-- BERNAMA

LES SA OS